

D240

U B531 DEB

MAHATHIR-ESTET

1985

KAMPUNG GAJAH (HILIR PERAK), 16 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMBERI JAMINAN KEPADA PARA TUAN TANAH TERBIAR BAHAWA MEREKA TIDAK PERLU BIMBANG AKAN KEHILANGAN HARTA ITU SEKIRANYA MENCANTUMKAN TANAH YANG KECIL SAIZNYA UNTUK DIJADIKAN MINI-ESTET.

KATA BELIAU SOAL MENCANTUMKAN TANAH-TANAH TIDAK HARUS DIJADIKAN RINTANGAN MEREKA MENYERTAI PROJEK SEUMPAMA ITU KERANA HARTA ITU AKAN KEKAL MILIK MEREKA DAN APA YANG AKAN DIAGIH-AGIHKAN IALAH CUMA HASIL DARIPADA SESUATU PROJEK ITU MENGIKUT SAIZ TANAH MASING-MASING.

KETIKA MERASMIKAN KOPERASI SERBAGUNA BLOK A DAN C KAMPUNG BUKIT CHAWI BERHAD DI KAMPUNG ITU DI SEBERANG PERAK DEKAT SINI HARI INI, - PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN TIDAK BERNIAT Mencari duit daripada rakyat miskin melalui projek seumpama itu.

MALAHAN UNTUK PROJEK MINI ESTET PADI DI KAMPUNG BUKIT CHAWI KERAJAAN MELULUSKAN GERAN PELANCARAN \$1 JUTA, KATANYA.

KOPERASI ITU DENGAN 380 ORANG ANGGOTA SEDANG MEMAJUKAN 1,120 HEKTAR SAWAH MILIK PENDUDUK TEMPATAN YANG TERBIAR SEJAK 18 TAHUN LALU UNTUK DIJADIKAN MINI-ESTET PADI.-- LAGI
1624MST 16 03 85

MAHATHIR-ESTET 2 KAMPUNG GAJAH

PERDANA MENTERI MAHUKAN PARA TUAN PUNYA TANAH SAIZ KECIL YANG TERBIAR DI KAMPUNG-KAMPUNG SUPAYA MENGIKIS PERASAAN CEMBURU TERHADAP APA YANG AKAN DILAKUKAN OLEH KERAJAAN DENGAN TANAH MEREKA.

SEBALIKNYA MEREKA HARUS MENUNJUKKAN KEYAKINAN DAPAT MENAMBAH PENDAPATAN SECARA MENGGABUNGAN KAMPUNG MEREKA MENJADI KAMPUNG TERSUSUN, MENCANTUMKAN TANAH UNTUK MENJALANKAN PERTANIAN MENGGUNAKAN JENTERA SERTA MENUBUHKAN INDUSTRI-INDUSTRI MENGGUNAKAN PELBAGAI BAHAN TEMPATAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, + KERAJAAN TIDAK BERNIAT NAK MENYUSAHKAN ORANG KAMPUNG ATAU MERAMPAS HARTA ORANG KAMPUNG DENGAN CARA MENYURUH MEREKA MENCANTUMKAN TANAH TERBIAR DAN MEWUJUDKAN KAMPUNG TERSUSUN.+

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN MENGGALAKKAN PENDUDUK DI KAMPUNG BUKIT CHAWI MELAKSANAKAN MINI-ESTET PADI KERANA TANAHNYA SESUAI UNTUK TANAMAN ITU SERTA BOLEH MEMBANTU MEREKA MENAMBAH PENDAPATAN DENGAN TANAMAN KONTAN YANG LAIN.

INI DILAKUKAN OLEH KERAJAAN DEMI KEPENTINGAN RAKYAT WALAUPUN DARIPADA SATU SEGI, PENANAMAN PADI TIDAK MEMANFAATKAN NEGARA KERANA BAGI SETIAP \$1 YANG DIPEROLEHI OLEH PETANI DARIPADA JUALAN PADI, 50 SEN IALAH SUBSIDI KERAJAAN.-- LAGI
1629MST 16 03 85

MAHATHIR-ESTET 3 KAMPUNG GAJAH

SEMASA BERUCAP DI MAJLIS YANG SAMA, MENTERI BESAR PERAK DATUK SERI RAMLI NGAH TALIB BERKATA PERDANA MENTERI BARU-BARU INI MENGARAHKAN KERAJAAN NEGERI Mencari kawasan yang sesuai di seberang Perak untuk ditanami pisang bagi dieksportkan.

Ekoran arahan itu, sebidang tanah seluas 200 hektar telah dikenalpasti dan mardi sedang mengkaji pelbagai aspek dan dijangka membuat penentuannya mengenai projek itu dalam beberapa bulan lagi.

Menteri besar juga mengumumkan bahawa kerajaan Perak sedang giat membuka ladang rakyat iaitu projek pemilikan tanah pertanian bagi penduduk negeri itu yang gagal menyertai rancangan tanah FELCRA atau FELDA.

-- LAGI

1657MST 16 03 85
D263

U B540 DEB

MAHATHIR-ESTET 4 KAMPUNG GAJAH

Ladang di awah rancangan itu akan diurus dengan teratur untuk menjamin pertumbuhan pendapatan dan kestabilan ekonomi mereka yang akan dipertanggungjawabkannya, tambahnya.

Di bawah rancangan itu, tanah-tanah yang mempunyai keluasan 400 hektar atau lebih akan dibuka dan dimajukan oleh perbadanan pembangunan pertanian negeri (PPNP) dengan tanaman yang berpotensi seperti kelapa sawit.

Katanya petani-petani yang terpilih akan diberi hak di tanah pertanian itu dalam bentuk saham percuma sebanyak 49 peratus.

Saham yang 51 peratus lagi dipegang oleh anak syarikat PPNP yang memajukannya dan pembahagian dividen tahunan akan diberi secara sama rata.

Para peserta juga akan diberi keutamaan untuk bekerja di rancangan itu.

Setakat ini, kerajaan negeri telah memulakan program itu di kawasan 619 hektar di Air Kuning, Mukim Pasir Panjang dan 405 hektar lagi di kawasan Bukit Tunggul daerah Perak Tengah.

Sementara itu 71,000 hektar tanah terbiar di seluruh negeri akan dimajukan menjelang 1990 atau kira-kira 3,500 hektar setahun di bawah rancangan Malaysia Kelima.

Menteri pembangunan negara dan luar bandar, Datuk Seri Sanusi Junid dan Timbalan Menteri Perusahaan Utama Megat Junid Megat Ayob yang juga anggota Parlimen kawasan Hilir Perak turut hadir.--
BERNAMA. MM.

1705MST 16 03 85